KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	026.03.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			

Kembara hutan kenali suku Temuan

Orang Asli tidak tidak terpinggir daripada arus pemodenan

KUALA LUMPUR

Secara peribadi, tanggal 18 Mac lepas merupakan hari yang memberikan kenangan tersendiri kepada penulis, kerana buat pertama kali menjejakkan kaki di sebuah perkampungan Orang Asli.

Sejujurnya penulis terperanjat melihat Kampung Orang Asli Serendah di Hulu Selangor, Selangor itu yang dihuni oleh kira-kira 300 penduduk Orang Asli suku Temuan.

Bukan rumah kayu daif seperti yang dibayangkan oleh penulis, sebaliknya kediaman moden daripada konkrit yang dilengkapi elektrik dan bekalan air paip, selain kebanyakan rumah juga mempunyai piring satelit untuk siaran televisyen.

Nyata kerajaan tidak meminggirkan kaum Orang Asli daripada arus pemodenan.

FOTO: BERNAMA



Elok menunjukkan pokok bertam yang digunakan untuk membuat atap rumah ketika rombongan bersama 16 wartawan pelbagai agensi pada 18 Mac lepas.

Namun, di sebalik kehidupan yang agak moden itu, komuniti tersebut masih mengekalkan cara hidup tradisional mereka termasuk memanfaatkan hasil hutan di perkampungan mereka dalam kehidupan sehari-hari selain sebagai sumber pendapatan.

Kesegaran udara dan kehijauan rimba yang mengelilingi perkampungan itu bagaikan memberi tenaga baharu kepada penulis, menyebabkan timbul rasa tidak sabar untuk memulakan kembara meredah hutan tersebut.

"Moh kitak jalan!" ungkap pemandu kembara kami, Elok Sapa, 68, yang bermaksud "ayuh kita bergerak."

Bunyi deruan air Sungai Serendah serta kicauan unggas mengiringi kembara kami yang bermula dengan merentasi kebun getah. Semakin jauh perjalanan, tanaman getah kini berganti dengan pepohon hutan.

Perjalanan kami terhenti seketika apabila hidung kami disengat bau tengik seakan petai.

"Ini bau buah kerdas. Kami jadikannya ulam, sedap dimakan dengan sambal. Namun tidak boleh dimakan terlalu banyak, takut nanti susah pula hendak kencing," jelas Elok sambil meraih dahan pokok kerdas dan memetik buah yang seakan kekacang itu.

Kami kemudian tiba di satu kawasan yang agak lapang dan di situ kelihatan tindanan anyaman daun seperti atap nipah. Elok kemudian duduk dan mula menganyam daun tersebut.

"Satu daripada bahan binaan rumah kami adalah daun pokok bertam ini yang digunakan sebagai atap. Daunnya kalis air," jelasnya, menambah sebelum dianyam, daun bertam tersebut perlu diasapkan bagi melembutkan struktur daun.

FOTO: BERNAMA



Elok (kiri) menerangkan fungsi pokok-pokok di dalam hutan yang dijadikan makanan dan herba oleh masyarakat Orang Asli Temuan ketika pengembaraan hutan bersama 16 orang wartawan dari pelbagai agensi pada 18 Mac lepas.

"Selalunya, atap bertam ini dapat bertahan selama tiga hingga enam bulan. Selain itu, batang bertam boleh dijadikan joran untuk memancing ikan," katanya.

Elok turut berkongsi tentang pantang larang ketika di dalam hutan yang baginya perlu diketahui dan diberi perhatian oleh setiap pengunjung.

"Bagi kami masyarakat Orang Asli, setiap objek dalam hutan mempunyai semangat tertentu yang mempengaruhi kehidupan. Tidak boleh celupar, berteriak tidak tentu pasal atau ketawa berlebihan.

"Jangan menyahut atau memetik sembarangan bunga-bunga yang ada dalam hutan kerana dikhuatiri ada ketikanya boleh menyebabkan seseorang tidak menemui jalan pulang ataupun disampuk (dirasuk)," katanya.

Bagi Elok dan isterinya, Bidah Anak Datang, 67, di sebalik asak pemodenan yang diterapkan dalam komunitinya, mereka masih menitikberatkan soal jati diri dan budaya agar tidak luput ditelan zaman.

"Kami sangat bersyukur kerana pelbagai pihak terutama kerajaan, sangat prihatin terhadap nasib Orang Asli dan memastikan kami tidak jauh ketinggalan meskipun ada antara kami yang masih tinggal di dalam hutan.

"Saya selalu berpesan kepada anak-anak dan generasi muda di kampung ini, sejauh mana pun kita pergi jangan lupa akan asal usul, dan sekiranya sudah berjaya, kembalilah untuk berbakti kepada komuniti," kata Bidah. - *Bernama*